

# Firma mesti utamakan mutu

PETALING JAYA: Syarikat Bumiputera perlu mengutamakan kualiti dalam pengurusan dan tidak lagi menumpukan aspek kuantiti bagi memastikan orang Melayu mendapat manfaat daripada pertumbuhan pesat ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perubahan sikap itu adalah faktor penting yang menentukan kejayaan.

Setakat ini, katanya, beberapa syarikat Bumiputera sudah berjaya membuktikan kejayaan hasil pengurusan pragmatik dan berhemat yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, jika sesuatu syarikat itu diurus dengan baik oleh mereka yang mempunyai matlamat unggul dan tidak ada muslihat tertentu, sudah tentu hasilnya juga baik dan membanggakan.

"Perubahan sikap daripada mementingkan aspek kuantiti kepada kualiti penting kerana kalau wang dibekalkan kepada orang yang tidak tahu menguruskannya, syarikat itu tidak akan lama menjadi gergasi, sebaliknya menjadi kerdil dan terus luput," katanya.

Beliau berucap merasmikan mesyuarat perwakilan ke-14 Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) di sini, semalam.

Turut hadir ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Osu Sukam dan Pengerusi KUB, Hassan Harun.

Dr Mahathir berkata, kualiti pengurusan sesebuah syarikat terutama yang dimiliki Bumiputera, amat penting untuk menentukan syarikat berkenaan berdaya saing serta mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi.

Katanya, untuk mencapai matlamat itu, ia memerlukan kesungguhan pengurusan syarikat dari segi pendirian, sikap dan nilai.

Beliau berkata, beberapa syarikat yang diurus oleh Bumiputera sudah menunjukkan kejayaan dan disenaraikan sebagai antara 500 syarikat terkemuka di dunia oleh majalah Fortune.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir mahu kejayaan itu dicontohi oleh syarikat lain di negara ini.

"Ketika ini kerajaan turut mementingkan soal kualiti dari segi penyeretaan Bumiputera dalam ekonomi negara, bukan lagi kuantiti seperti sebelum ini.

Mengenai KUB, Perdana Menteri berkata, ia berjaya dipulihkan hasil pengurusan pragmatik dan berhemat yang mengutamakan kualiti oleh

pemimpin berpengalaman dalam bidang perniagaan.

Katanya, ia bukan saja mengatasi masalah beban hutang, malah dalam tempoh tiga tahun lalu berjaya mencatat keuntungan besar menerusi pelbagai kegiatan ekonomi yang dijalankan.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi KUB dan berharap ia terus diurus dengan baik kerana potensinya untuk menjadi syarikat gergasi adalah cerah.

Katanya, KUB sudah mampu berdikari hasil gegigihan kepemimpinannya memulihkan koperasi itu berasaskan kualiti pengurusan berhemat.

Beliau juga berkata, ketika ini sudah banyak syarikat Bumiputera berkemampuan mengurus perniagaan dengan baik dan tidak lagi terlalu bergantung kepada kerajaan.